



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Bangkit dari Kegagalan

**Nilai Teras:** Kegembiraan

**Masa:** 1 jam

**SK:** 1.8 Sabar Menghadapi Dugaan Kehidupan

**SP:** 1.8.4 Menjelaskan cara menghadapi musibah menurut Islam.

1.8.5 Menerangkan hikmah disebalik ujian yang diturunkan oleh Allah kepada manusia.

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Mengenal pasti cara-cara menangani cabaran untuk bangkit dari kegagalan.
2. Mengambil tindakan yang wajar dalam menangani pelbagai cabaran.

## Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
  - Kumpulan 1: Maksud kegagalan sebagai suatu musibah.
  - Kumpulan 2: Cara menghadapi kegagalan menurut Islam.
  - Kumpulan 3: Hikmah di sebalik kegagalan.
2. Murid berbincang dan melakarkan fakta dalam bentuk peta minda pada kertas sebak tentang tajuk tersebut.
3. Kertas sebak ditampal di dinding kelas. Murid bergerak dalam kumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang topik yang diberikan.
4. Murid berkongsi pendapat, memberi ulasan dan penilaian serta mencatat maklumat yang diperolehi.

## Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang cara menghadapi musibah.
3. Murid berbincang dalam kumpulan masing-masing tentang cara menghadapi musibah.
4. Murid membentangkan tugasan di hadapan kelas.

## Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru memberi keratan akhbar kepada setiap kumpulan.
3. Murid diberi contoh buku skrap yang akan dihasilkan.
4. Guru mengarahkan murid untuk menghasilkan buku skrap tentang faktor manusia tidak sabar menghadapi musibah daripada Allah dengan menggunakan bahan yang disediakan oleh guru.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)